IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN PENTADBIRAN

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA adalah sebuah Universiti Awam yang juga Badan Berkanun Persekutuan di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia menawarkan kekosongan jawatan yang berikut:

Bil.	Jawatan	Gred	Taraf	Penempatan	Ringkasan Tugas
1.	Pegawai Tadbir	N41	Kontrak	Kampus Nilai, Negeri Sembilan	Bertanggungjawab terhadap pengurusan dan perancangan pentadbiran jabatan dan pengurusan bajet kewangan jabatan serta menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa. Pengetahuan dan pengalaman dalam pengkomersialan program akademik secara program pesisir (offshore), francais, perlesenan dan perundingan projek khas adalah suatu kelebihan (satu (1) kekosongan). Pengetahuan dan pengalaman dalam pengurusan penawaran program akademik secara pesisir / perlesenan, penawaran program / sijil profesional, Pendidikan dan Latihan / teknikal dan vokasional (TVET), pengurusan ejen dan pembangunan dan jaminan kualiti akademik program pengkomersialan adalah suatu kelebihan (dua (2) kekosongan).
2.	Penolong Akauntan	W29	Kontrak	Kampus Nilai, Negeri Sembilan	Bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan akaun amanah dan akaun khas meliputi pembukaan dan penutupan akaun, menyemak laporan, membuat operasi berkaitan seperti invois, terimaan dan jurnal pindahan serta menyediakan laporan secara berkala yang diperlukan oleh Universiti dan menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa (satu (1) kekosongan).

Bil.	Jawatan	Gred	Taraf	Penempatan	Ringkasan Tugas
3.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N19	Kontrak	Kampus Nilai, Negeri Sembilan	Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas pentadbiran dan sokongan di peringkat Pusat Tanggungjawab termasuklah perihal perkeranian dan operasi, perkhidmatan kaunter, pelaksanaan program, pengumpulan data dan menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa (empat (4) kekosongan).
4.	Pemandu Kenderaan	H11	Kontrak	Kampus Nilai, Negeri Sembilan	Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu GDL dan PSV Kelas E daripada Jabatan Pengangkutan Jalan, menjaga kenderaan di bawah kelolaan supaya sentiasa dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan serta menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa (tiga (3) kekosongan). Pengalaman mengendalikan kenderaan yang memerlukan lesen memandu GDL dan PSV Kelas E daripada Jabatan Pengangkutan Jalan adalah suatu kelebihan.
5.	Pengawal Keselamatan	KP11	Kontrak	Kampus Nilai, Negeri Sembilan	Bertanggungjawab melaksanakan tugas kawalan keselamatan aset kerajaan melibatkan keselamatan fizikal, dokumen dan personel di bangunan dan premis kerajaan termasuk kawasan-kawasan yang diisytiharkan sebagai Kawasan Larangan dan Tempat Larangan di bawah Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 (Akta 298) dan menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa (lima (5) kekosongan).

Syarat Lantikan	Butiran Permohonan
1) Warganegara Malaysia; 2) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan; 3) Memiliki kelayakan akademik seperti yang dinyatakan dalam Skim Perkhidmatan; dan Memiliki Kepujian (sekurang- kurangnya Gred C) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.	1) Semua permohonan adalah secara dalam talian menerusi hebahan iklan di laman web http://www.usim.edu.my mulai **27 Mac 2024 (Rabu).** 2) Setiap permohonan yang dihantar akan dikenakan caj permohonan sejumlah RM10.00 melalui sistem *mypayment*. 3) Panduan permohonan dan maklumat terperinci tentang jawatan di atas serta syarat-syarat kelayakan boleh diperolehi melalui laman web tersebut. 4) Permohonan yang tidak menerima sebarang maklumbalas selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan dikategorikan sebagai tidak berjaya. **Tarikh tutup permohonan adalah pada 09 April 2024 (Selasa).**

Sebarang pertanyaan sila hubungi urus setia di talian 06-798 8113/8125 atau e-mel ke: noorjannah@usim.edu.my (Noor Jannah Noorzan) / norazah@usim.edu.my (Norazah Md Yusup) / munirah@usim.edu.my (Siti Munirah Mohd Kamizi).